

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN**  
**[ BUKIT BINTANG ]**  
**RUJUKAN : BL4 [PR-1342-T74356]**  
**SOALAN :**

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan kedudukan para penjaja Jalan Drury Kuala Lumpur yang berpindah sementara bagi memberi laluan kepada projek yang mana sehingga sekarang DBKL belum membenarkan mereka balik semula ke tapak asal setelah projek pembangunan di situ siap.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, pada tahun 2013 Persatuan Kwong Siew Selangor dan Wilayah Persekutuan telah mengemukakan cadangan menaiktaraf Jalan Drury kepada projek pengindahan dan warisan. Kerja-kerja ini meliputi baik pulih bumbung, fasad bangunan dan siar kaki.

Di tapak yang sama, terdapat aktiviti pasar terbuka Jalan Drury melibatkan 39 penjaja yang menjalankan perniagaan basah dan runcit di atas Lorong Drury berhadapan dan menghalang pintu masuk rumah kedai yang akan dinaiktaraf di Lorong Drury. Penjaja-penjaja ini telah dipindahkan ke kawasan berhadapan dengan tapak asal bagi membolehkan projek penaiktarafan dilaksanakan.

Projek tersebut telah siap sepenuhnya namun penjaja-penjaja tersebut tidak dipindahkan ke tapak asal kerana tiada perjanjian antara pemilik bangunan dan penjaja-penjaja terlibat.